



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
IBU PEJABAT LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN OPERASI SETEM & CKHT
ARAS 15, MENARA HASIL
PERSIARAN RIMBA PERMAI, CYBER 8
63000 CYBERJAYA SELANGOR.
Tel : 03-83138888 Fax : 03-83137855

No.Ruj: LHDN.BA.B.600-1/5/6

Tarikh : 11 April 2020

Tuan,

**PEMBUKAAN KAUNTER DUTI SETEM DI PEJABAT SETEM CAWANGAN
LHDNM MULAI 03 APRIL 2020**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2 Untuk makluman, susulan daripada Kenyataan Akhbar pada 02 April 2020 berkaitan Pembukaan Kaunter Duti Setem Di Pejabat Setem Cawangan (PSC) LHDNM mulai 03 April 2020 yang melibatkan 34 PSC dan selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan berhubung Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan Covid-19, perkhidmatan yang disediakan terhad bagi urusan duti setem seperti berikut:

- 21 Individu dan orang awam yang tidak mempunyai ID pengguna STAMPS.
Individu dan orang awam bermaksud selain daripada pihak berikut:
 - Firma guaman
 - Firma broker saham
 - Bank
 - Syarikat pengurusan
 - Ejen cukai
 - Lain-lain individu yang mempunyai ID STAMPS

- 22 Pembayaran duti setem ke atas notis taksiran yang tidak boleh dibuat secara dalam talian seperti amaun duti perlu dibayar melebihi RM 1juta.

..2/-

3. Selain kategori di perenggan 2.1 dan 2.2, penyeteman dan pembayaran perlu dibuat melalui STAMPS di <https://stamps.hasil.gov.my>. Pihak ejen atau wakil yang mempunyai ID STAMPS **diwajibkan** untuk mengemukakan permohonan penyeteman dan pembayaran secara dalam talian.
4. Dokumen dan notis taksiran yang tarikh akhir bayaran jatuh pada 18 Mac 2020 sehingga 29 April 2020, lanjutan masa diberi sehingga 30 April 2020 tanpa dikenakan penalti lewat. Firma guaman yang tidak mempunyai kemudahan pembayaran dalam talian boleh hadir ke kaunter untuk membuat bayaran selepas tempoh PKP tamat.
5. Oleh itu, mohon kerjasama pihak tuan memaklumkan kepada ahli Majlis Peguam Malaysia untuk mengambil perhatian berkaitan perkara ini bagi mengelak dari berlakunya kesesakan di kaunter duti setem dan memastikan keselamatan petugas kaunter dan pembayar duti terjamin.
6. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat pertanyaan lanjut atau kes yang memerlukan tindakan segera, pihak tuan boleh menghubungi PSC yang berdekatan atau emel kepada stamps@hasil.gov.my.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



[AZALINA BINTI HAMDİ]

Pengarah

Jabatan Operasi Setem & CKHT

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Salinan kepada:

1. Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
2. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
3. CEO and Head of Finance & Administration Division
Bar Council Secretariat's Management Team
Malaysian Bar